

Ucapan Perasmian

Yang Berbahagia

Datuk Haji Sarani Bin Dollah

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

**Sempena Majlis Menandatangani Aku Janji Dan Seminar Construction Industry
Transformation Programme (CITP) Negeri Pulau Pinang**

25 April 2017

Hotel Equatorial Penang

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya pada hari ini, dapat kita berkumpul di sini sempena Sempena Majlis Menandatangani Aku Janji Dan Seminar Construction Industry Transformation Programme (CITP) Negeri Pulau Pinang.
2. Industri pembinaan merupakan salah satu sektor utama negara kerana ia adalah pemangkin atau *catalyst* bagi pembangunan sektor ekonomi lain. Industri pembinaan yang cekap, berkualiti dan berkapabiliti tinggi adalah penting untuk sesebuah negeri itu dalam menjana ekonomi untuk menarik pelaburan dan seterusnya mencapai tahap sosio-ekonomi yang optimum.

Senario Industri Pembinaan

3. Industri pembinaan negara telah mencapai kadar pertumbuhan purata yang sangat memberangsangkan sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-10 iaitu 11.1 peratus. Ini melebihi prestasi kesemua sektor ekonomi yang lain di dalam Negara. Pada tahun 2012, di pertengahan Rancangan Malaysia ke-10, industri pembinaan telah mencapai pertumbuhan yang kemuncak iaitu 18.1 peratus dan seterusnya mengekalkan kadar pertumbuhan dua digit iaitu 10.8 peratus pada 2013 and 11.7 peratus pada 2014. Pada tahun 2015, iaitu tahun terakhir Rancangan Malaysia ke-10, industri pembinaan telah berjaya mencapai pertumbuhan sebanyak 8.2 peratus.
4. Pada tahun lepas, industri ini telah mencapai pertumbuhan yang sederhana tetapi masih menggalakkan iaitu sebanyak 7.4 peratus. Biarpun kadar pertumbuhan tersebut telah berkurangan, namun ia adalah masih jauh lebih tinggi daripada pertumbuhan KDNK negara sebanyak 4.2 peratus.
5. Jika dilihat dari sudut nilai projek pembinaan pula, ia telah bertambah dari 7,455 projek yang bernilai RM140 bilion pada tahun 2015 kepada 6,305 projek yang bernilai RM166.4 bilion pada tahun 2016. Daripada projek-projek yang telah dilaksanakan pada

tahun 2016, hanya 29.1 peratus atau RM48.5 bilion adalah daripada sektor awam, manakala 70.9 peratus atau RM117.9 bilion adalah projek swasta.

6. Statistik CIDB menunjukkan bilangan serta nilai projek pembinaan di Pulau Pinang juga berada pada tahap yang baik. Pada tahun 2016, terdapat 475 projek pembinaan yang bernilai RM7.9 bilion yang dilaksanakan di Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, 33.9 peratus merupakan projek infrastruktur, 35.2 peratus adalah projek perumahan, 9.4 peratus adalah projek kemudahan sosial, manakala 21.5 peratus lagi adalah projek-projek bangunan bukan perumahan iaitu bangunan komersial, industri dan kilang.

Para hadirin sekalian,

7. Biarpun industri pembinaan terus berkembang pesat di seluruh negara, sebagai penggiat industri pembinaan, kita perlu mempertingkatkan prestasi kita di dalam amalan-amalan terbaik seperti kualiti, keselamatan, kemampanan alam sekitar dan juga produktiviti. Kita tidak boleh berterusan melaksanakan projek-projek dengan cara yang lama dan tidak bersaing dengan industri pembinaan di peringkat global.
8. Oleh itu, pada 10 September 2015, Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah melancarkan Program Transformasi Industri Pembinaan atau Construction Industry Transformation Programme (CITP).
9. CITP merupakan program komprehensif 5 tahun untuk mentransformasikan industri pembinaan dari 2016 hingga 2020. Ia telah dibangunkan oleh Kementerian Kerjaraya melalui CIDB dengan kerjasama Kementerian-kementerian Pusat, agensi-agensi Kerajaan dan penggiat industri pembinaan. Program ini adalah sebahagian dari Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11) di bawah Bab 8: Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran iaitu Bidang Fokus D: Mentransformasikan sektor pembinaan.
10. CITP dijangka akan mentransformasikan industri pembinaan ke arah industri yang lebih produktif, mampan, selamat, berkualiti, profesional dan berdaya saing di peringkat antarabangsa melalui 4 teras utama iaitu:
 - i. Kualiti, keselamatan dan Profesionalisme;
 - ii. Kemampanan Alam Sekitar;
 - iii. Produktiviti; dan
 - iv. Pengantarabangsaan.
11. Kejayaan perlaksanaan CITP ini adalah bergantung kepada kerjasama dan komitmen semua pihak, samada agensi kerajaan ataupun swasta. Ini selaras dengan tagline CITP iaitu "Driving Construction Excellence Together."
12. Sejak tahun 2015, sebanyak 219 organisasi telah menandatangani Akujanji CITP bagi menunjukkan komitmen mereka di dalam transformasi industri pembinaan ini. Pada 2015, kesemua agensi di bawah Kementerian Kerja Raya telah menandatangani Akujanji CITP tersebut, di ikuti dengan 56 penggiat industri pembinaan di Melaka dan 24 pemimpin industri di Kuala Lumpur. Pada 2016 pula, 20 pemaju perumahan dari Real Estate and Housing Developers Association (REHDA), dan enam pemaju di Cyberjaya juga telah

menandatangani Akujanji CITP. Sambutan menggalakkan turut di rasai di Sarawak yang menyaksikan 31 penggiat industri yang menandatangani CITP, manakala angka yang paling besar setakat ini adalah di Sabah dengan 73 organisasi telah menandatangani Akujanji CITP.

13. Pada hari ini saya amat berbangga sekali kerana penggiat industri di negeri Pulau Pinang pula akan menandatangani Akujanji CITP sebagai menyatakan komitmen mereka dalam melaksanakan transformasi di dalam aktiviti perniagaan mereka seharian supaya ia menepati amalan terbaik yang digariskan di dalam empat teras strategik CITP dan seterusnya mengangkat status dan prestasi industri pembinaan di dalam negeri ini dan negara kita keseluruhannya ke tahap yang lebih tinggi.
14. Sokongan padu dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan sekalian adalah amat kami hargai kerana tiada kejayaan yang akan dapat dikecapi jika kita bekerja secara silo dan bersendirian
15. Sebelum saya mengundur diri, ingin saya menyatakan di sini bahawa, KKR amat mengalu-alukan sokongan saudara kepada pelaksanaan CITP hari ini. Kita bersedia menerima pandangan dan mengenai cara dan kaedah terbaik bagi memastikan kejayaan di dalam CITP ini dapat tercapai pada tahun 2020.
16. Dengan lafaz bismillahirrahmanirahim, saya dengan suka citanya merasmikan Majlis Menandatangani Aku Janji Dan Seminar Construction Industry Transformation Programme (CITP) Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

Wabilahitaufik walhidayahh wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.